



17 OCT, 2022

## 15 syarikat pameran inovasi pada Hari Demo GAP

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

# 15 syarikat pameran inovasi pada Hari Demo GAP

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 15 syarikat mempamerkan inovasi mereka yang meliputi empat industri pada Hari Demo Program Pemecut Global (GAP): Hari Demo Edisi Tematik di Bukit Jalil baru-baru ini.

Acara itu yang dianjurkan oleh Malaysia Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) menampilkan teknologi yang memfokuskan kepada perubatan dan penjagaan kesihatan, perkhidmatan per-

niagaan dan kewangan, air dan makanan serta dron.

Dalam satu kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, Dzuleira Abu Bakar berkata, program GAP membuktikan bahawa Malaysia berpotensi untuk melahirkan dan mengembangkan syarikat pemula niaga yang mampu menyediakan penyelesaian inovasi kepada pelbagai cabaran dan isu yang kompleks.

"Matlamat kami di MRANTI

adalah untuk membantu syarikat-syarikat ini dengan menyediakan sokongan yang mereka perlukan untuk membangunkan perniagaan mereka, menjana lebih banyak peluang pekerjaan, dan meningkatkan ekonomi negara secara umum dan keupayaan inovasi."

"Sebanyak 38 syarikat dari Malaysia, Singapura, Rusia dan United Kingdom mengambil bahagian dalam kohort tahun ini yang merangkumi empat lan-

dasan pemecut tematik, untuk menawarkan kurikulum yang lebih khusus bagi menangani cabaran dan keperluan unik industri," kata beliau.

Dzuleira berkata, program GAP untuk pusingan semasa terdiri daripada dua fasa utama, iaitu fasa pengkomersialan, diikuti dengan projek perintis dan fasa pembiayaan.

Fasa pengkomersialan membantu syarikat meningkatkan tahap kesiapan pelaburan dan mengatasi halangan awal perniagaan.

Dalam fasa kedua, syarikat akan menonjolkan kemahiran pembentangan idea mereka untuk mendapatkan pembiayaan bagi pengembangan pasaran dan mempelbagaikan portfolio mereka.

"Setelah melengkapkan fasa kedua, MRANTI juga akan menyediakan sokongan dan pemantauan tambahan kepada syarikat untuk memulakan pertumbuhan mereka," tambah beliau.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Seri Dr. Adham

Baba yang hadir sebagai tetamu kehormat, berkata Malaysia mempunyai potensi luar biasa untuk dimanfaatkan, tetapi ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dalam ekosistem inovasi untuk menyokong pertumbuhan dan kejayaan pelbagai industri.

"Melalui MRANTI, kami menasaskan untuk menyelaras dan memacu pulangan yang lebih tinggi daripada rantaian nilai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi.

"Dalam usaha Malaysia untuk meningkatkan kadar pengkomersialannya dan mencapai wawasan negara untuk menjadi antara 20 negara paling inovatif menjelang 2030, ekosistem yang padu dan sinergi diperlukan supaya menjadi jambatan antara penyelidikan dan pengkomersialan," kata beliau.

Adham berkata, Malaysia akan dapat meningkatkan kedudukan negara dalam Indeks Inovasi Global dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk Pelan Induk Taman MRANTI. - Bernama



**MAJLIS...** Dato' Seri Dr. Adham Baba menyerikan majlis MRANTI GAP Demo Day 2022 baru-baru ini.



17 OCT, 2022

## 15 syarikat pameran inovasi pada Hari Demo GAP

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Sebanyak 15 syarikat mempamerkan inovasi mereka yang meliputi empat industri pada Hari Demo Program Pemecut Global (GAP): Hari Demo Edisi Tematik di Bukit Jalil baru-baru ini. Acara itu yang dianjurkan oleh Malaysia Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) menampilkan teknologi yang memfokuskan kepada perubahan dan penjagaan kesihatan, perkhidmatan perniagaan

dan kewangan, air daa makanan serta dron.